**Publication: Berita Harian , p 5**
**Date: 15 January 2016**
**Headline: Focus on present and future challenges**

# Fokus pada cabaran sekarang dan masa depan

## Sesi baru Parlimen dibuka dengan pencalonan Halimah sebagai Speaker

▶ IRMA KAMARUDIN
irmak@sph.com.sg

PETANG ini, para penggubal dasar Singapura akan mula mengisi ruang utama dewan Parlimen bagi sesi pertama Parlimen ke-13 negara.

Penamaan Cik Halimah Yacob, yang dijangka dicalonkan sebagai Speaker Parlimen, bakal membuka tirai persidangan pada 3.30 petang disusuli upacara angkat sumpah.

Selepas itu, giliran Anggota Parlimen (AP) pula mengangkat sumpah secara berkumpulan – bermula dengan Perdana Menteri, Menteri Kabinet, Anggota Parlimen (AP) dan Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi (NCMP).

Ini merupakan kali pertama para AP itu kembali ke dewan sejak Parlimen dibubarkan Ogos tahun lalu.

Sejak itu, parti pemerintah, Parti Tindakan Rakyat (PAP), kembali berkuasa setelah menang besar dengan hampir 70 peratus undi popular.

Daripada 89 kerusi yang dipertandingkan, PAP menang 83 kerusi dengan enam kerusi kekal di tangan parti pembangkang – Parti Pekerja (WP).

### EKONOMI JADI TUMPUAN

Setelah bahang pasca pilihan raya kini reda sepenuhnya, masanya sudah tiba bagi 'kerja' bermula.

Isu harian seperti ekonomi, imigrasi, kos sara hidup, peluang pekerjaan dan penduduk yang semakin menua akan terus menjadi tumpuan utama apabila Parlimen dibuka semula tahun ini, menurut pengamat dan pemerhati politik.

Turut menjadi topik perbincangan hangat ialah isu ancaman pengganasan, politik serantau dan perpaduan masyarakat.

Rata-rata, pengamat dan pemerhati politik berkata ekonomi akan menjadi topik dominan, dengan pemerintah perlu melaksanakan usaha demi memastikan ekonomi negara ini terus dapat berkekalan di tengah-tengah dunia yang berhadapan dengan ketidakpastian, cabaran dan persaingan.

Profesor Madya Eugene Tan daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU) berkata terdapat keperluan segera mengubah ekonomi pada tahun-tahun mendatang.

"Akan terdapat keperluan segera mengubah ekonomi dalam masa empat hingga lima tahun mendatang dengan produktiviti dan inovasi menjadi ciri penentuan ekonomi masa depan.

"Bagaimanapun, kemajuan dalam bidang ini belum dapat memenuhi jangkaan. Masa amat penting," katanya.

Zamil Iseas-Institut Yusof Ishak, Dr Norshahril Saat, pula berkata pemerintah perlu memikirkan cara baru demi menghindari kadar pengangguran daripada meningkat.

"Pemerintah perlu memikirkan cara mencipta pekerjaan baru dan mempertingkat latihan bagi pekerja yang ada. Inilah sebabnya mengapa pemerintah menubuhkan Jawatankuasa Ekonomi Masa Depan demi memastikan ekonomi kita dapat berkekalan, meskipun terdapat ketidakpastian sejagat dan persaingan daripada negara maju lain."

### PENGGANASAN DAN POLITIK SERANTAU

Selain isu domestik, Dr Norshahril menambah bahawa isu keselamatan dek ancaman dari luar negara, seperti ancaman pengganasan dan politik serantau, iaitu kehadiran China di Laut China Selatan, juga akan menjadi tumpuan kerana ia akan menjejas negara.

"Pemerintah perlu memastikan ancaman luar ini tidak akan memecahbelahkan masyarakat sekiranya kes pengganasan berlaku di negara ini. Pemerintah juga harus mengambil langkah-langkah yang perlu demi mempertingkat keselamatan dalam negara," katanya.

Memberikan pandangannya, zamil Iseas-Institut Yusof Ishak, Dr Mustafa Izzuddin, berkata isu kritikal hari ini yang dihadapi AP boleh menimbulkan masalah tidak diduga (*blind spots*) sekiranya isu-isu itu tidak ditangani dengan sewajarnya.

"Isu ketegangan kaum dan agama yang meluap serta timbulnya isu xenofobia membawa keganasan disebabkan pengaruh media sosial yang semakin meningkat boleh menjadi antara kesan paling malang bagi Singapura," katanya.

### PEMBAHARUAN KEPIMPINAN

Menyentuh tentang sidang Parlimen ke-13 pula, Dr Mustafa berkata PAP akan turut memberi tumpuan pada proses pembaharuan kepimpinannya.

"... menteri yang baru dilantik dan mereka yang berpotensi menjadi menteri akan diuji kebolehan dan akumen mereka bagi memupuk generasi pemimpin Singapura yang seterusnya, terutamanya dalam tempoh selepas Lee Hsien Loong," kata Dr Mustafa.

Parlimen ke-13 terus dikuasai PAP setelah parti itu menerima mandat kuat dengan meraih 69.9 peratus undi semasa pilihan raya umum tahun lalu – menebus kekecewaan pada pilihan raya umum 2011 apabila PAP mencatat kemenangan sebanyak 60.1 peratus undi.

WP pula hanya dapat mengekalkan kawasan undi perwakilan kumpulan (GRC) Aljunied dan kawasan undi perseorangan (SMC) Hougang dalam pilihan raya umum yang lalu.

### PERANAN PEMBANGKANG

Pakar sosiologi daripada Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Tan Ern Ser, dalam memberi pandangannya tentang apa yang boleh dilakukan WP agar terus membuktikan diri mereka berkata:

"(Mereka harus membuktikan) mereka boleh memberi saranan langkah-langkah kreatif, praktikal, berkekalan; mereka boleh mempamerkan keyakinan kukuh mengenai isu mencabar, contohnya imigrasi serta lesbian, gay, dwiseksual dan transgender (LGBT); dan mereka boleh mengendalikan pentadbiran majlis bandaran, mempamerkan kecekapan dan tanggungjawab jika mereka belum melakukannya."

Mantan AP, Haji Wan Hussin Zoohri, pula berkata sementara WP mungkin mempunyai formula sendiri untuk Singapura, apa yang harus diutamakan dalam semua tindakan ataupun dasar ialah kepentingan orang ramai.

"Harus difikirkan apakah faedah yang dapat dinikmati masyarakat, bukan hanya kepentingan sendiri atau mana-mana pihak," katanya.

Diminta mengulas, satu-satunya parti pembangkang, WP, berkata ia akan terus berusaha memainkan peranan berguna dan konstruktif dalam debat dasar agar dapat menggerakkan dasar ke arah yang sihat bagi negara.

Anggota WP, Encik Leon Perera, menegaskan bahawa sama ada keputusan pilihan raya umum tahun lalu akan menjejas pendirian AP parti pemerintah dalam Parlimen ke-13 masih belum dapat dilihat.

Dalam pada itu, beliau menambah bahawa WP akan mengetengahkan isu berkaitan pertumbuhan inklusif di Parlimen.

"Kami perlu berusaha mencapai pertumbuhan ekonomi yang mencipta pilihan dan kehidupan bermutu bagi rakyat Singapura. Ini bermakna memberi perhatian rapat kepada mobiliti sosial, jaringan keselamatan sosial dan pengumpulan risiko (*risk pooling*).

"Hanya dengan itu, barulah kita boleh membuka potensi bagi inovasi dan keusahawanan dalam kalangan semua rakyat Singapura demi memastikan Singapura berkembang sebagai sebuah ekonomi dan masyarakat maju dalam abad ke-21," katanya.



**MELAKAR MASA DEPAN NEGARA:** Para pengamat berkata antara isu yang bakal menjadi tumpuan dalam Parlimen ke-13 termasuk ekonomi, imigrasi, kos sara hidup, ancaman pengganasan dan politik serantau. Foto di atas dipetik semasa pembukaan sesi kedua Parlimen ke-12 pada 16 Mei 2014. – Foto hiasan




## Yakin kepelbagaian dalam Parlimen menyerlah



**CIK HALIMAH YACOB:** Popular dan disenangi dalam kalangan Anggota Parlimen, baik daripada parti pemerintah mahupun pembangkang. – Foto fail THE STRAITS TIMES

▶ NAZRI HADI SAPARIN
mhadi@sph.com.sg

BELIAU telah memimpin sidang Parlimen sejak 2013, namun Cik Halimah Yacob tetap ghairah setiap kali Anggota Parlimen (AP) berkumpul untuk berbahas di dewan.

Pembukaan Parlimen hari ini tidak terkecuali.

Cik Halimah, 61 tahun, yang memang popular dan disenangi dalam kalangan AP baik daripada parti pemerintah mahupun pembangkang, dijangka dicalonkan Perdana Menteri Lee Hsien Loong sebagai Speaker sekali lagi apabila Parlimen membuka tirai persidangannya pada 3.30 petang ini.

Memberitahu *Berita Harian* (BH), Cik Halimah berkata Parlimen yang bakal dibuka kelak mempunyai gandingan AP daripada pelbagai latar belakang.

Justeru, sebagai Speaker, beliau mengharapkan kepelbagaian itu juga akan terserlah menerusi pemikiran dan pandangan yang berbeza mengenai isu-isu yang penting kepada rakyat.

Kepelbagain tersebut penting, kata Cik Halimah, kerana jangkaan ke atas pemerintah dan AP lebih tinggi kini setelah 'kemenangan besar' parti pemerintah dalam pilihan raya lalu.

Pasukan pemerintah yang baru itu memikul tanggungjawab mengemudi negara ini dalam sekitaran politik, sosial dan khususnya ekonomi yang mencabar.

"Cabaran terbesar bagi Singapura ialah bukan hanya membangunkan prasarana fizikal, yang pasti akan dapat kita capai kelak, malah dalam mencipta sekitaran yang dapat menjana idea penuh inovasi dan memupuk idea-idea ini bagi manfaat rakyat," ujarnya.

Menurut Cik Halimah, yang juga AP bagi kawasan undi perwakilan kumpulan (GRC) Marsiling-Yew Tee, beliau menjangkakan isu-isu berkaitan ekonomi akan menjadi tumpuan perbahasan di Parlimen ke-13 kerana didorong bukan hanya keadaan ekonomi global masa kini bahkan selaras dengan usaha pemerintah menyusun semula ekonomi daripada ekonomi menambah nilai kepada ekonomi mencipta nilai.

Beliau menekankan bahawa penyusunan semula ekonomi pasti menjejas pekerja dan syarikat justeru penting bagi Parlimen menetapkan hala tuju dalam membantu syarikat dan pekerja memahami peri penting perubahan yang sedang berlaku sambil mempersiapkan mereka bagi merebut peluang yang tercipta kelak.

Sehubungan dengan itu, masyarakat Melayu/Islam perlu mengikuti perbahasan ekonomi dengan dekat.

"Pasti akan ada gangguan, namun pada masa yang sama, akan tercipta peluang bagi mereka yang bersedia menyesuaikan diri, merubah minda dan membangunkan keupayaan baru atau lebih tinggi," tegasnya.

Sementara itu, Cik Halimah menambah bahawa isu-isu lain yang bakal turut menjadi tumpuan Parlimen ialah isu keselamatan.

Menurutnya, besar kemungkinan Presiden akan menyentuh isu tersebut dalam ucapannya bagi pembukaan Parlimen dan menekankan pentingnya rakyat kekal berwaspada dan tidak ambil ringan keharmonian kaum yang dinikmati di Singapura hari ini.

"Dunia semakin meragam dan berpecah belah, termasuk dalam kalangan mereka yang seagama seperti perbalahan mendalam antara Sunni dan Syiah, bagaimanapun keadaan sedemikian tidak harus menimpa kita.

"Hakikatnya ada antara kita dapat kekal berfikiran waras di tengah-tengah keadaan ini bergantung bukan hanya pada pemerintah malah pada rakyat.

"Jika kita tunduk pada haluan yang memecahbelahkan kita, kita tidak akan dapat berpatah balik," ujar Cik Halimah lagi.

### PANDANGAN PENGAMAT

"Pemerintah perlu memikirkan cara mencipta pekerjaan baru dan mempertingkat latihan bagi pekerja yang ada. Inilah sebabnya mengapa pemerintah menubuhkan Jawatankuasa Ekonomi Masa Depan demi memastikan ekonomi kita dapat berkekalan, meskipun terdapat ketidakpastian sejagat dan persaingan daripada negara maju lain."

**– Dr Norshahril Saat, Zamil Iseas-Institut Yusof Ishak.**

"Akan terdapat keperluan segera mengubah ekonomi dalam masa empat hingga lima tahun mendatang dengan produktiviti dan inovasi menjadi ciri penentuan ekonomi masa depan. Bagaimanapun, kemajuan dalam bidang ini belum dapat memenuhi jangkaan. Masa amat penting."

**– Profesor Madya Eugene Tan daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU).**

"Isu ketegangan kaum dan agama yang meluap serta timbulnya isu xenofobia membawa keganasan disebabkan pengaruh media sosial yang semakin meningkat boleh menjadi antara kesan paling malang bagi Singapura."

**– Dr Mustafa Izzuddin, Zamil Iseas-Institut Yusof Ishak, yang berpendapat isu kritikal yang dihadapi Anggota Parlimen hari ini boleh menimbulkan masalah tidak diduga (blind spots) sekiranya isu-isu itu tidak ditangani dengan sewajarnya.**